

SOALAN NO: 73

Usaha ini dilakukan oleh SKMM bagi mendidik dan meningkatkan kesedaran awam mengenai keselamatan dan penggunaan rangkaian komunikasi yang lebih positif. SKMM sentiasa memantau dan memastikan pembekal perkhidmatan mematuhi *standard* dan peraturan teknikal dan bukan teknikal selaras dengan kehendak semasa dalam menjamin keselamatan dan kerahsiaan data pengguna.

Selain daripada itu, **Kod Amalan Am Pengguna untuk Industri Komunikasi dan Multimedia Malaysia (GCC)** turut menekankan aspek keselamatan data supaya penyedia perkhidmatan dapat mengambil langkah untuk memastikan perlindungan kepada maklumat peribadi pengguna. Antara prinsip-prinsip am dalam perlindungan maklumat peribadi adalah:

- a) pengumpulan dan pemprosesan yang adil dan mengikut undang-undang;
- b) diproses untuk tujuan terhad;
- c) tidak diberikan kepada pihak lain tanpa persetujuan pengguna; dan
- d) data mesti selamat.

Bagi pihak pengguna pula, Kerajaan melalui pelbagai agensi termasuk SKMM sentiasa memberi kesedaran dan penerangan melalui program advokasi termasuk program "**Klik Dengan Bijak**" berkenaan tips yang boleh diambil untuk mengelakkan data dicuri.

RT6/74

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
DARIPADA [KLANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian dalam menghadapi kes bunuh diri seperti yang berlaku pada seorang pelajar baru-baru ini. Adakah Kementerian bersedia untuk memasukkan aspek kesihatan mental dalam kurikulum persekolahan dan latihan guru-guru.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan kesihatan mental murid dengan melaksanakan tindakan seperti berikut:

- 202
- i. Melaksanakan Program Sihat Minda yang bertujuan untuk pengesanan awal kesihatan murid berkaitan tahap kemurungan, *anxiety* dan stres. Murid juga diberikan Soal Selidik Kemahiran Gaya Daya Tindak (*Coping Skill*) untuk intervensi bagi memperkasa murid menangani stres cabaran kehidupan sehari-hari dengan berkesan melalui kemahiran daya tindak (*coping skills*).
 - ii. Mengedarkan surat siaran Pelaksanaan dan Pematuhan Dasar-Dasar Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Rendah dan Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2017 yang menekankan aspek psikososial dan kesejahteraan mental yang perlu diberi perhatian serta fokus utama oleh semua sekolah
 - iii. Pendekatan kaunseling krisis dilaksanakan sekiranya didapati bahawa murid yang dikenal pasti mengalami tanda-tanda kemurungan yang teruk atau mengalami tanda-tanda awal penyakit mental. Guru Bimbingan dan Kaunseling akan merujuk kepada pentadbir sekolah dan penjaga untuk merujuk murid berkenaan ke Klinik Kesihatan Daerah atau Hospital Pakar Psikiatrik.